

## **SAYA SAYANG ABAH!**

Oleh: Nur Syahirah binti Muzaffar, 1172406,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 30 July 2020*



Gambar: [thevocket.com](http://thevocket.com)

“Assalamualaikum abah, nak duit. Nak beli buku, nak bayar sewa rumah, nak beli barang dapur...”

Saya mungkin tak tahu, dalam poket abah cuma ada RM10 sewaktu saya telefon meminta wang semasa di universiti.

Bila difikirkan semula, saya selalu telefon abah untuk meminta duit tanpa bertanya khabar abah, sama ada dia sudah makan atau belum. Tidak seperti semasa saya menelefon ibu.

Rancak berbual sehingga kadang-kadang hampir dua jam.

Tetapi bila menelefon abah, saya terus menyatakan hasrat saya. Saya perasan abah sendiri ingin cepat mematikan perbualan tiap kali kami berbual.

Sebagai anak, mungkin kadang-kadang saya cepat terasa hati dengan abah kerana dia adalah seorang yang tegas, lebih banyak berdiam dan jarang memujuk.

Namun, itu tidak bermakna abah tidak peduli, jauh sekali tidak mempunyai perasaan sayang terhadap saya. Sebagai ketua keluarga, terlalu banyak pengorbanan abah yang mungkin saya tidak sedari selama ini, termasuklah perasaannya.



Gambar: inspirasidata.com

Abah mungkin nampak kekok apabila berbual dengan saya. Namun sebenarnya dia mahu saya tahu yang dia ada bersama saya.

Kalau boleh, dia mahu sentiasa berkongsi detik gembira dengan saya dan melihat semua seperti apa yang dilihat oleh mata ibu.

Sejak dari kecil, ibu yang selalu menjemput saya pulang dari sekolah. Jarang sekali saya pulang bersama abah. Abah sentiasa sibuk dengan kerjanya, awal pagi sudah keluar mencari rezeki.

Ketika saya diterima masuk ke universiti, abah semakin gigih mencari rezeki. Seawal pukul lima pagi, saya mendengar bunyi tayar lori abah bergolek. Pulangnya pula pada waktu senja.

Tetapi, tak pernah saya dengar keluhan abah. Semua permintaan saya abah akan cuba penuhi.

Saya mungkin tak perasan, abah sibuk bekerja sebab mahu cukupkan belanja rumah atau beli barang yang saya asyik sebutkan.

Walaupun begitu, saya percaya dalam hatinya kerja tersebut adalah diniatkan untuk mencari sesuap nasi untuk keluarga.

Mengenang segala jasa dan tanggungjawab yang terpikul di bahu abah, benarlah kata-kata seorang ulama, “Meskipun kita mendukung ibu bapa kita di Mekah selama sebulan untuk menunaikan haji, tetapi masih tidak terbalas setitik susu ibu yang kita minum dan setitik keringat bapa yang membesarkan kita.”